**KENYATAAN AKHBAR**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

# KEPUTUSAN UJIAN COVID-19 BAGI BAKI PENUMPANG KAPAL PERSIARAN WESTERDAM YANG MASIH BERADA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR

Melalui Sidang Media yang telah diadakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada petang tadi, beliau telah memaklumkan mengenai baki enam (6) orang penumpang (4 warganegara Amerika Syarikat dan dua warganegara Netherlands) kapal persiaran Westerdam yang kini berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur untuk menaiki penerbangan mereka selanjutnya. Kesemua mereka berada dalam keadaan sihat.

Keputusan ujian pengesanan COVID-19 yang dijalankan pada 16 Februari 2020 ke atas mereka baru sahaja diperolehi daripada Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan mereka disahkan NEGATIF untuk jangkitan tersebut. Sehubungan itu, pihak kedutaan yang berkenaan telah dimaklumkan mengenai keputusan ujian ini dan mereka akan dibenarkan untuk menaiki penerbangan untuk meneruskan perjalanan ke destinasi masing-masing yang selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**
**16 FEBRUARI 2020**